

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
JABATAN PENDAFTARAN NEGARA (JPN)
DAERAH BESUT

Oleh

SITI ASIAH BINTI ABD RAHMAN
Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi Dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada
Jabatan Ekologi & Sosial
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2005

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

1100039843

LI 85 FPE 1 2009



1100039843

Laporan akhir latihan industri di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) daerah Besut / Siti Asiah Abd Rahman.



PERPUSTAKAAN

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU**

1100039843

Z1030 KUALA TERENGGANU

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI
DI JABATAN PENDAFTARAN NEGARA (JPN)
DAERAH BESUT**

Oleh :

**SITI ASIAH BINTI ABD RAHMAN
Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi dan Sekitaran Sosial)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2005

1100039843

PENGHARGAAN	i
BORANG PENGESAHAN	ii
PENGENALAN KEPADA LATIHAN INDUSTRI	iii
OBJEKTIF LATIHAN INDUSTRI	iv

BAB 1 : LATAR BELAKANG ORGANISASI

1.1 Sejarah Latar belakang JPN	1
1.2 Latar Belakang Organisasi	2
1.2.1 Objektif JPN Negeri Terengganu	3
1.2.2 Peranan JPN	4
1.2.3 Fungsi JPN	5
1.2.4 Visi	5
1.2.5 Misi	5
1.2.6 Motto	6
1.2.7 Dasar Kualiti	6
1.2.8 Objektif JPN Malaysia	6
1.2.9 Slogan JPN	6
1.2.10 Kod Etika JPN	7
1.2.11 Piagam Pelanggan	9
1.2.12 Tonggak 12	13

1.3	Carta Organisasi	14
1.4	Aktiviti Organisasi	15
1.5	Kemahiran yang ingin dipelajari	20

BAB 2 : PENGENALPASTIAN SISTEM SEDIA ADA, MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN

2.1	Pendahuluan	23
2.2	Pengenalpastian Sistem	23
2.3	Mengenalpasti Masalah	30
2.4	Penyelesaian Masalah	33
2.5	Rumusan Analisis dan perbincangan	38

BAB 3 : PENUTUP

3.1	Pengenalan	43
3.2	Kesimpulan	44

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah Kurnia-Nya saya dapat menjalani latihan praktikal dalam tempoh masa yang ditetapkan. Tanpa bantuan daripada pihak tertentu saya tidak dapat menjalani latihan ini dengan sempurna.

Di sini saya ingin melahirkan ucapan terima kasih kepada semua kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara Daerah Besut iaitu Nik Zainab bt. Nik Li, Mariam bt. Shaari, Noriah bt. Mat Jid, M. Zawawi b. Muhammad, Pn. Zuhaini Abdul Ghafar dan yang paling penting sekali Penolong Pengawai Jabatan Pn.Mazriwati binti Shaikh A.Rahim yang banyak membantu saya terutamanya dalam membuat laporan. Maklumat berkaitan dengan Jabatan dan sistem yang digunakan yang diberikan kepada saya membolehkan saya menyiapkan laporan dengan sempurna.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih juga kepada pensyarah Pn. Roslina Binti Ismail selaku penyelia saya kerana sudi meluangkan masa mengunjungi organisasi ini untuk melihat perkembangan hasil kerja saya sepanjang menjalani latihan ini dan tidak lupa juga kepada Cik Nor Hayati Binti Sa'at yang sudi menyemak laporan saya ini. Ucapan terima kasih juga kepada rakan-rakan serta pensyarah yang banyak membantu dan memberi galakan kepada saya dalam menyiapkan laporan akhir latihan industri ini. Semoga tuhan memberkati kalian semua.

Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya Siti Asiah binti Abd Rahman (UK 7985)
mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya
sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan
pandangan dan pendapat saya yang berdasarkan kepada pengaplikasian teori dan
pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti
Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan
tersebut.

Tandatangan




Nama : Siti Asiah binti Abd Rahman

No. Matrik : UK 7985

Tarikh: 20 OKTOBER 2005

Disahkan Oleh:



**Cik Nor Hayati Binti Sa'at
Penyelia KUSTEM
b/p Pengerusi Latihan Industri
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
KUSTEM**

KEPENTINGAN DAN LATAR BELAKANG LATIHAN INDUSTRI

Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi (FPE) Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) telah mewajibkan setiap pelajarnya menjalani Latihan Industri atau dikenali sebagai SOS 4299 . Ia merupakan kursus yang wajib diambil oleh pelajar tahun dua semester empat pada masa cuti panjang sesi pengajian, di bawah Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi(FPE), Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM). Ia merupakan syarat bagi mendapatkan Sarjana Muda Pengurusan Polisi Dan Sekitaran Sosial.

Setiap pelajar akan ditempatkan di mana-mana organisasi sama ada organisasi pilihan sendiri atau ditetapkan oleh pihak fakulti. Tempoh masa latihan Industri ialah 12 minggu atau lebih kurang 3 bulan. Dalam tempoh ini pelajar akan mempraktikkan apa yang dipelajari sepanjang pengajiannya di KUSTEM. Di sinilah pelajar dapat menilai tahap kemampuan mereka sekaligus memperbaiki kelemahan yang mereka yang telah dikenalpasti.

Di samping itu, melalui latihan Industri ini juga pelajar akan didedahkan dengan suasana pekerjaan yang sebenar di mana pelajar akan diberi peluang belajar dan membiasakan diri mereka berkomunikasi dengan baik dengan kakitangan-kakitangan organisasi berkenaan. Pelajar juga mungkin akan dibebani dengan kerja-kerja pejabat sekaligus mendisiplinkan diri mereka supaya lebih bertanggungjawab terhadap tugas yang diamanahkan. Dengan adanya latihan Industri ini para pelajar dapat memperlengkapkan diri mereka dengan ilmu yang diperlukan sebelum melangkah ke alam pekerjaan yang sebenar.

OBJEKTIF LATIHAN INDUSTRI

Latihan Industri diwajibkan kepada setiap pelajar semester empat kerana ingin mendedahkan suasana pekerjaan yang sebenar kepada pelajar. Di samping itu terdapat juga beberapa objektif lain. Antaranya ialah :-

- I) Melatih para pelajar supaya dapat membiasakan diri dengan suasana pekerjaan dan berkomunikasi dengan rakan sepejabat serta memupuk corak pergaulan yang meluas.
- II) Memahami dengan jelas dan mendalami bidang yang dipelajari serta memberi peluang kepada pelajar mempraktikkan segala teori-teori yang dipelajari sepanjang pengajian di KUSTEM.
- III) Menambahkan pengetahuan dan pengalaman pelajar semasa menjalani latihan Industri.
- IV) Memupuk keyakinan diri dalam menempuh alam pekerjaan.
- V) Menilai tahap kemampuan pelajar dan memberi pelung kepada pelajar membangunkan sistem dibawah kawalan majikan.
- VI) Mengetahui tentang kewujudan peluang pekerjaan yang boleh diperolehi dalam bidang yang tertentu dalam organisasi terutamanya dalam bidang yang diambil oleh pelajar yang menjalani latihan Industri.

BAB 1 LATAR BELAKANG ORGANISASI

1.1- SEJARAH LATAR BELAKANG JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah sebuah Jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Ia bertanggungjawab mendaftar peristiwa-peristiwa penting setiap individu seperti maklumat kelahiran, kematian, pengangkatan, perkahwinan dan perceraian. Di samping itu, JPN juga bertanggungjawab dalam menentukan taraf kewarganegaraan dan seterusnya mengeluarkan dokumen identiti individu dalam bentuk kad pengenalan kepada mereka yang layak.

Jabatan Pendaftaran Negara ditubuhkan selepas Peraturan-peraturan Darurat (Kawasan-kawasan Pendaftaran) 1948 dikuatkuasakan sebagai salah satu langkah untuk menentang ancaman keselamatan . Peraturan-peraturan ini memerlukan semua penduduk supaya mendaftar dan memperolehi kad pengenalan apabila mencapai umur 12 tahun ke atas. Jabatan ini juga telah diberi fungsi tambahan iaitu untuk mendaftarkan semua peristiwa penting yang merangkumi pendaftaran kelahiran, kematian, anak angkat, perkahwinan dan perceraian, dan kewarganegaraan.

Semenjak penubuhannya, Jabatan ini telah berpindah ke beberapa buah bangunan di Kuala Lumpur dan Selangor. Pada awalnya , Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara terletak di Bangunan Sulaiman, Jalan Damansara, Kuala Lumpur. Pada 1958, Ibu Pejabat ini telah berpindah ke Bangunan Persekutuan Petaling Jaya untuk menampung

pertambahan rekod-rekod, dokumen dan kakitangan yang meningkat. Selepas beberapa tahun, Ibu Pejabat Pendaftaran Negara sekali lagi berpindah ke Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor dan kekal di sini sehingga sekarang . Mulai Disember 2004, Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran ini telah beroperasi di Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya.

1.2 LATAR BELAKANG JABATAN PENDAFTARAN NEGARA DAERAH BESUT

Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia diketuai oleh seorang Ketua Pengarah dengan dibantu oleh seorang Timbalan Ketua Pengarah, 8 Pengarah Bahagian serta 15 Pengarah Negeri dan terdapat 187 buah pejabat di seluruh Negara yang memberi perkhidmatan.

Jabatan Pendaftaran Negara Daerah Besut adalah salah satu pejabat cawangan Negeri Terengganu yang ditubuhkan untuk kemudahan Penduduk Daerah Besut. Jabatan Pendaftaran Negara Daerah Besut bertempat di aras bawah di bangunan Wisma Persekutuan Kampung Raja atau dikenali sebagai Bangunan Gunasama. Di awal penubuhannya iaitu pada tahun awal 70-an Jabatan Pendaftaran Negara Daerah Besut bertempat di Kampung Seberang Jerteh. Kemudian dipindahkan ke Kampung Raja dengan berpejabat di bangunan Pejabat Daerah yang lama. Pada tahun 1985 pula, pejabat ini melaksanakan operasinya disebuah pejabat di jalan Sekolah Menengah Agam Maarif, Kampung Raja iaitu berhampiran dengan masjid.